

## LAMPIRAN

LAMPIRAN A : PERATURAN MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL  
UGAMA ISLAM MALAYSIA

\*Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi  
Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia

Maka hendaklah ada sebuah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia setepas ini disebut sebagai Majlis, yang terdiri daripada ahli-ahli berikut yang kesemuanya hendaklah daripada orang yang berugama Islam:

(i) Seorang Pengerusi yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja daripada nama-nama yang disyorkan oleh Perdana Menteri;

†(ii) Seorang Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja daripada nama-nama yang disyorkan oleh Perdana Menteri;

†(iii) Wakil Negeri-negeri yang mengambil bahagian iaitu tiap-tiap seorang mewakili satu-satu Negeri dan dilantik oleh Raja Negeri itu dan bagi Negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan bagi Negeri-negeri Sabah dan Sarawak dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dengan perakuan Yang di-Pertua Negara Negeri Sabah dan Gabenor Negeri Sarawak setelah mendapat nasihat Majlis Ugama Islam bagi Negeri masing-masing;

(iv) Lima orang yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan persetujuan Majlis Raja-Raja.

2. Tiap-tiap ahli hendaklah dilantik untuk selama tempoh yang tidak lebih daripada tiga tahun tetapi adalah layak dilantik semula. Ia hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang diperkenankan oleh pihak yang melantik tetapi ia boleh melekatkan jawatannya.

\* Pindaan—Mersurat Majlis Raja-Raja Yang Ke-90 diadakan pada 17hb Jun, 1971 (Hari Yang Kedua).

† Pindaan—Mersurat Majlis Raja-Raja Yang Ke-93 diadakan pada 15hb Mac, 1973 (Hari Yang Kedua).

‡ Pindaan—Mersurat Majlis Raja-Raja Yang Ke-105 diadakan pada 17hb Jun, 1976 (Hari Yang Kedua).

3. Maka hendaklah ada seorang Setiausaha bagi Majlis itu yang hendaklah dilantik oleh Majlis Raja-Raja atas Pengeseyoran Perdana Menteri. Setiausaha itu hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipannya menurut arahan Pengerusi atau Majlis.
4. (i) Semua soal yang dibentangkan di dalam sesuatu mesyuarat Majlis hendaklah diputuskan mengikut dua peringa (2/3)
- (ii) Pengerusi tidak berhak mengundi;
- (iii) Jika Pengerusi tidak hadir dalam sesuatu mesyuarat Majlis, maka ahli-ahli yang hadir dalam sembilih scorang ahli yang lain untuk menetapai mesyuarat itu dan ahli yang mengetua itu adalah mempunyai segala kuasa yang ada pada Pengerusi.
5. Lebih separuh bilangan ahli-ahli Majlis adalah menjadi cukup bilangan dan terakluk kepada apa-apa arahan yang diberi oleh Majlis Raja-Raja, Majlis boleh mencapai peraturannya sendiri.
6. Majlis hendaklah dipanggil bermesyuarat oleh Pengerusi seberap ketar yang difikirkannya perlu tetapi Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tiga bulan.
7. Tuugas-tugas Majlis ialah:
- (a) membincang, menimbang dan menguruskan apa-apa perkara yang ditrujukkan kepada Majlis oleh Majlis Raja-Raja, manamana Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri atau seseorang ahli Majlis, dengan tujuan hendak memberi nasihat atau pengecyoran;
- (b) memberi nasihat kepada Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri atau apa-apa perkara berkaitan dengan perundungan atau pentadbiran Ugama Islam dan pelajaran Ugama Islam, dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggatak persamaan undang-undang atau pentadbiran.
8. Pada menjalankan tugas-tugasnya Majlis adalah berkuasa berurusan dengan mana-mana Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri menitah apa-apa makumet, laporan atau perkara lain bekenan dengan Ugama Islam atau pentadbiran-nya, dan Kerajaan Negeri atau Majlis Ugama Islam Negeri

- hendaklah memberi kerjasamanya dengan turunkanai atau mintaan-perintintaan tersebut. Melainkan dalam perkara dazar atau polisi hendaklah lebih dahulu mendapat persetujuan Raja Negeri itu.
9. Apabila sesuatu nasihat atau pengeseyoran dikemukakan oleh Majlis kepada Majlis Raja-Raja dan Majlis Raja-Raja mempertusui nasihat atau pengeseyoran itu, maka pihak betkusa Ugama Islam Negeri hendaklah melaksanakan nasihat atau pengeseyoran itu, dan nasihat atau pengeseyoran tersebut itu hendaklah jangan dipinda, diubah atau dihetikan dengan tidak mendapat terlebih dahulu persetujuan Majlis Raja-Raja.
10. Majlis adalah berkusa melantik sebuah Jawatankuasa Kecil bagi menguruskan apa-apa perkara yang berkenaan dengan tugas-tugasya dan Majlis boleh, jika difikirkannya perlu, melantik orang lain menjadi ahli jawatankuasa Kecil iu.
11. (a) Maka hendaklah ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Fatwa terdiri daripada ahli-ahli berikut:
- (i) Pengerusi Jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis dari antara ahli-ahlinya;
- (ii) Mufti tiap-tiap Negeri yang menambil bahagian atau scorang yang mewakili Negeri dalam Hal Ehwal Ugama;
- (iii) Lima orang Alim Ulama yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja;
- (iv) Sesorang ahli yang berugama Islam dari Perkhidmatan Kelekutan dan Undang-undang atau dari profesiion undang-undang yang dipilih dan dilantik oleh Majlis Raja-Raja;
- (b) Sekiranya seseorang ahli yang terkandung di dalam (c) (ii) tiada dapat hadir dalam satu-satu mesyuarat Jawatankuasa, wakilnya boleh menghadiri mesyuarat itu. Wakil itu berhak mengambil bagian dalam perbincangan Jawatankuasa iu dan mengundi atas apa-apa perkara yang hendak diputuskan.
- (c) Ahli-ahli dalam (a) (i) dan (iv) tidak berhak mengundi.
12. Sekiranya dalam sesuatu hal Jawatankuasa tidak bersebuta suara maka hendaklah ia mengambil keputusafnya mengikut lebhsuara dua peringa (2/3) ahli-ahlinya yang mengikuti

\*13. Tiap-tiap ahli melaikkan Pengurus dan Mufti-Mufti tundak-lah dilantik daripada calon-calon yang diperakukan oleh Perdana Menteri, selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun, tetapi ia adalah tayak dilantik semula. Ia hendaklah menegang jawatan selama tempoh yang diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja tetapi ia boleh meletakkan jawatannya.

14. Tugas Jawatankuasa Fatwa itu ialah menimbang, menutus dan mengeluarkan fatwa atas apa-apa perkara berkenaan dengan Umma Islam yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja. Jawatankuasa itu hendaklah mengemukakan pendapat-pendapatnya kepada Majlis yang akan menghantarinya bersama dengan pengesyorkan-pengesyorannya kepada Majlis Raja-Raja.

15. Kerja pentadbiran Majlis adalah terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri. Semua pegawai-pejawai dan kakitangan-kakitangan yang meneruskan kerja-kerja pentadbiran Majlis itu hendaklah orang-orang yang berugama Islam.

16. Tiadalah apa-apa jua perbuatan Majlis boleh menyentuh kedudukan hak, kelebihan, hak kedudukan dan kuasa-kuasa yang ada pada Raja sebagai Ketua Umma Islam dalam Negerinya dan sebagaimana yang ada diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia dan dalam Perlumbagan bagi Negerinya.

17. Peraturan ini tidak boleh dipinda melainkan dengan peretujuhan Majlis Raja-Raja.

Ditetapkan oleh Majlis Raja-Raja dalam Mesyuarat Yang Ke-81 yang diadakan di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 17hb Oktober, 1968 (Hari Yang Kedua).

TAN SRI AIMAD BIN HAJI HUSIN,  
Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja,  
Malaysia

[MRR (S) 284/Jld. 2.]

\* Pindaan—Mesyuarat Majlis Raja-Raja Yang Ke-117 diadakan pada 21hb Februari, 1980.

DICETAK OLEH JABATAN PERSEYARAHAN NEGARA, KUALA LUMPUR  
MOCHITAR BIN HAJI SAMSUDIN, K.M.N., S.M.T., P.I.S.  
TEMANGKU KETUA PENGARAH  
1981

## LAMPIRAN B : PERTUKARAN JANTINA

Pihak Felda telah memperuntukkan tanah seluas 4 hingga 6 ekar khas untuk kawasan tanah perkuburan disetiap rancangannya. Tanah ini tidak termasuk di dalam takrif tanah wakaf.

### HUJJAH DAN DALIL

Bagi tanah wakaf perkuburan boleh ditanam pokok yang tidak kekal sahaja (seperti tanaman kontan dan sebagainya). Pendapatan daripada hasilnya boleh digunakan bagi tujuan menjaga, mengawasi dan membersihkan tanah tersebut.

### KEPUTUSAN

*Menanam pokok buah-buahan di atas tanah yang dikhaskan bagi kubur di Rancangan Felda hukumnya harus dan hasil yang diperolehi adalah halal asalkan tanya digunakan bagi maslahah umum.*

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-7 yang bersidang pada 11-12 April 1984.

## PERTUKARAN JANTINA DARIPADA LELAKI KEPADA PEREMPUAN

### PENDAHULUAN

Dalam zaman serba maju ini di mana manusia sedang menikmati pelbagai nikmat yang dicungkil sendiri oleh tangan manusia dengan kemajuan ilmu dan teknik. Manusia cuba mencari kepuasan dalam serba jurusan. Adapula yang tidak berpuas hati dengan kejadian dirinya sendiri. Ada lelaki yang tidak berpuas hati dengan kelaziman bagi lelaki dan begitu pula pihak perempuan yang jemu dengan kelaziman sebagai orang perempuan. Ada pula yang ingin mengubah kurniaan Allah dan ada pula yang bersedia memenuhi kegilaan itu. Untuk tujuan itu telah ditubuhkan beberapa pusat pembedahan jantina di dunia termasuk di Malaysia.

### LATARBELAKANG DAN ISU

Berdasarkan kepada perakuan pakar pembedahan yang bertanggungjawab mengenai penukaran jantina, proses penukaran jantina itu dilakukan melalui pembedahan alat kelamin lelaki yang dilakukan mengikut proses dan prosedur yang ditetapkan sehingga membentuk alat kelamin wanita. Namun pembedahan

ini tidak dapat menyamai sifat jantina wanita dengan sempurna termasuk tidak boleh mengandung dan datang haid.

Sebelum sesuatu pembedahan di buat terhadap seseorang yang memohon untuk menukar jantina, kajian mendalam dibuat oleh pakar-pakar ilmu jiwa selama 2 tahun mengenai fikiran, perasaan, tindakan sehingga kepada mimpi yang mereka alami sewaktu tidur untuk mempastikan bahawa pemohon benar-benar berperasaan sebagai perempuan dan benar-benar tidak sanggup hidup sebagai lelaki.

Ulama-ulama Malaysia berselisih pendapat untuk menerima perubahan ini. Ada yang berpendapat perubahan itu boleh diterima setelah di akui oleh para doktor yang berkenaan dan setelah orang yang berkenaan bersumpah mengaku yang ianya adalah perempuan. Sedang golongan yang lain tidak menerima pertukaran itu dengan alasan bahawa pertukaran itu tidaklah menjadikan seseorang itu benar-benar perempuan yang mempunyai sifat-sifat keperempuanan.

## HUJJAH DAN DALIL

Muzakarah telah berbincang dan meneliti isu yang berkaitan dan berdasarkan dalil daripada hadis dan pandangan pakai, muzakarah telah berhujjah :

عن ابن عباس رضي الله عنه قال، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : لعن الله المتشبهات من النساء بالرجل والمتشبهات من الرجل بالنساء .  
(رواه أبو داود)

Maksudnya :

"Dari Ibn Abbas r.a berkata, Rasulullah s.a.w bersabda : Allah melaknat orang-orang lelaki yang menyerupai perempuan dan orang-orang perempuan yang menyerupai lelaki."

Selain itu, sesuatu keputusan yang akan di buat hendaklah dikaji suasana keadaan sebenar dan akibat dari hukum itu. Dalam penukaran jantina tidaklah terhenti sekadar memenuhi kehendak orang yang ingin menukar jantina tetapi mesti dibuat sebab yang membawa kepada penukaran jantina, penderitaan yang ditanggung oleh orang berkenaan. Kemudian setelah penukaran dilakukan soal-soal perkahwinan, pembahagian harta pesaka, pelaksanaan ibadat dan kematian orang itu hendaklah dikaji dan diteliti. Menurut pendapat perubatan orang-orang yang menukar jantina adalah 70 % menjadi perempuan.

## KEPUTUSAN

- i. Pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram di segi syarak.
- ii. Seseorang yang dilahirkan lelaki, hukumnya tetap lelaki walaupun ia berjaya ditukarkan jantinanya melalui pembedahan.
- iii. Seseorang yang dilahirkan perempuan, hukumnya tetap perempuan walaupun ia berjaya ditukarkan jantinanya melalui pembedahan.
- iv. Seseorang yang dilahirkan "khunsa musykil" iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluhan lelaki dan perempuan, diharuskan pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai. —

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa kali ke-1 bersidang pada 13-14 April 1982.

## PENGEBUMIAN MAYAT DALAM PETI YANG TERTUTUP

### PENDAHULUAN

Maksud sebenar pengebumian mayat ini ialah meletakkan mayat di tempat yang boleh menghalang baunya dan mencegah dari gangguan-gangguan binatang-binatang buas serta mempastikan pengebumian itu dijalankan menurut cara-cara yang tidak mencacatkan kehormatan mayat itu sendiri.

### LATARBELAKANG DAN ISU

Persoalan mengenai pengebumian mayat ini dikemukakan oleh Kementerian Luar Negeri berhubung dengan kes-kes kematian yang dialami oleh pelajar-pelajar Islam yang berada di luar negeri di mana cara pengebumiannya adalah menggunakan peti.

### HUJJAH DAN DALIL

Pengebumian mayat di dalam tanah ( lahad ) itu adalah merupakan proses biasa dimana mayat itu akan reput labih cepat jika dibandingkan dengan mengebumikan mayat di dalam peti yang ditutup. Selain itu keseluruhan ulama juga menjelaskan bahawa mengebumikan mayat dalam laut ( bagi kematian yang bertaku di laut yang jauh dari daratan ) adalah diharuskan walaupun mereka berbeza dari segi pelaksanaannya.

## GELATIN DALAM UBAT

### PENDAHULUAN

Gelatin ialah sejenis protein terbitan yang larut dalam air, dihasilkan menerusi proses hidrolisis separa ke atas collagen. Collagen ialah unsur protein yang terdapat dalam tisu-tisu konektif haiwan. Kulit babi, kulit lembu, urat-urat dan tulang binatang merupakan bahan mentah utama untuk menghasilkan gelatin.

Di Eropah kulit anak lembu dan tulang lembu merupakan bahan mentah utama bagi gelatin. Penggunaan kulit babi semakin meningkat kerana proses pengeluaran gelatin darinya lebih cepat dan hasilnya bermutu tinggi. Amerika Selatan dan India merupakan pembekal tulang yang utama. Sementara kulit lembu dibekalkan oleh Amerika Selatan, Amerika Syarikat dan United Kingdom dan kulit babi dibekalkan oleh Amerika Syarikat.

Gelatin mempunyai sifat yang tertentu dan amat baik serta sesuai bagi membuat sarung ubat. Ianya keras, tahan lembab dan mempunyai sifat gam dengan sendirinya.

### LATARBELAKANG DAN ISU

Semenjak akhir-akhir ini isu mengenai gelatin telah menjadi suatu isu yang besar diperkatakan oleh golongan tertentu di dalam akhbar-akhbar tempatan, majalah dan surat-surat edaran. Gelatin dikatakan diperbuat dari kulit, tulang dan lendir-lendir haiwan seperti babi, lembu dan sebagainya.

Menurut kenyataan akhbar gelatin telah digunakan bukan sahaja dalam makanan, bahkan juga di dalam ubatan. Hakikat ini diakui sendiri oleh sebuah syarikat pembuat ubat di Malaysia dalam jawapannya kepada Persatuan Pengguna Pulau Pinang. Ianya telah lama digunakan dalam pengeluaran beberapa jenis kapsul.

Kenyataan-kenyataan yang didedahkan itu telah menarik perhatian masyarakat Islam di negara kita ini dan juga membimbangkan golongan-golongan tertentu, khasnya masyarakat di luar bandar yang enggan memakan ubat. Sikap sedemikian boleh membawa kemudarat kepada mereka.

Dengan itu beberapa golongan tertentu dan masyarakat Islam mendesak pihak-pihak yang berwajib melalui akhbar-akhbar supaya menjelaskan kedudukan penggunaan gelatin dalam ubatan dari sudut Hukum Syarak.

## HUJJAH DAN DALIL

Dalam hal ubatan yang bercampur dengan bahan-bahan yang najis, terdapat dua pendapat ulama;

i. Jumhûr ulama berpendapat adalah haram menggunakan ubat yang bercampur dengan najis untuk tujuan perubatan.

Ini bersandarkan kepada beberapa hadith Nabi s.a.w, antaranya :

عن أبي الدرداء قال، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم، أن الله أنزل الداء والدواء وجعل لكل داء دواء فتداووا ولا تنددوا بحرام<sup>\*</sup>  
رواه أبي داود

Maksudnya :

*Daripada Abi al-Darda' bahawa Nabi s.a.w berkata : Sesungguhnya Allah s.w.t. menurunkan penyakit dan ubat, dan ia menjadikan setiap penyakit itu ada ubatnya, maka berubatlah kamu dan jangan kamu berubat dengan benda-benda yang haram.*

عن ابن مسعود قال، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم، ان الله لم يجعل شفاعتك فيما حرم عليك<sup>\*</sup>  
رواه البخاري

Maksudnya :

*Daripada Ibn Mas'ud bahawa Nabi s.a.w berkata : Sesungguhnya Allah s.w.t tidak menjadikan penyembuhan kamu dari bahan-bahan yang haram ke atas kamu.*

ii. Ibn Ruslan dari mazhab Shafie dalam kitab Sunan Abi Daud berpendapat bahawa menggunakan ubat daripada benda yang najis selain daripada benda yang memabukkan adalah harus.

Pendapat ini berlandaskan kepada hadis *al-Umîyeen* yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah s.a.w menyuruh sahabat meminum air kencing unta untuk membuat ubat.

عن أنس رضي الله عنه أن ناسا احتروا في المدينة ، فامرهم النبي صلى الله عليه وسلم أن يلحقوا براعية يعني الابل فيشربوا من ألبانها وأبواها حتى صلحت أبدانهم.  
رواه البخاري

Maksudnya :

*Daripada Anas r.a. bahawa satu kumpulan telah datang ke Madinah dan ditimpa sakit, maka Nabi s.a.w memerintahkan mereka pergi kepada gembala unta dan meminum susu serta air kencingnya sehingga mereka itupun sembuh dari sakitnya.*

## **KEPUTUSAN**

*Penggunaan gelatin dalam ubat pada masa sekarang adalah diharuskan kerana darurat. Sekiranya telah ada bahan halal yang dapat menahan ubat dari cepat rosak, maka penggunaan gelatin dalam ubat tidaklah lagi diharuskan.*

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa kali ke-8 bersidang pada 24-25 September 1984

## **PEMINDAHAN JANTUNG DAN MATA**

### **PENDAHULUAN**

Kaedah perubatan moden masa kini telah menggunakan anggota-anggota manusia seperti mata, jantung dan sebagainya yang dipindahkan dari orang mati kepada orang yang hidup.

### **LATARBELAKANG DAN ISU**

Perkembangan teknologi moden dalam bidang kesihatan di dunia telah diambil manfaat juga oleh pakar perubatan di Malaysia. Isu ini melibatkan juga kepada pemindahan organ atau anggota seseorang manusia kepada seorang yang lain. Memandangkan isu ini melibatkan kepada hukum yang melibatkan orang Islam, pakar perubatan di Malaysia telah meminta supaya perkara ini dibincangkan oleh pihak alim ulama agar ianya tidak bercanggah dengan hukum dan profesyen kedoktoran serta mengelakkan kekeliruan masyarakat negara ini.

Maksudnya :

*Daripada Anas r.a. bahawa satu kumpulan telah datang ke Madinah dan ditimpa sakit, maka Nabi s.a.w memerintahkan mereka pergi kepada gembala unta dan meminum susu serta air kencingnya sehingga mereka itupun sembuh dari sakitnya.*

#### KEPUTUSAN

*Penggunaan gelatin dalam ubat pada masa sekarang adalah diharuskan kerana darurat. Sekiranya telah ada bahan halal yang dapat menahan ubat dari cepat rosak, maka penggunaan gelatin dalam ubat tidaklah lagi diharuskan.*

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa kali ke-8 bersidang pada 24-25 September 1984

#### PEMINDAHAN JANTUNG DAN MATA

#### PENDAHULUAN

Kaedah perubatan moden masa kini telah menggunakan anggota-anggota manusia seperti mata, jantung dan sebagainya yang dipindahkan dari orang mati kepada orang yang hidup.

#### LATARBELAKANG DAN ISU

Perkembangan teknologi moden dalam bidang kesihatan di dunia telah diambil manfaat juga oleh pakar perubatan di Malaysia. Isu ini melibatkan juga kepada pemindahan organ atau anggota seseorang manusia kepada seorang yang lain. Memandangkan isu ini melibatkan kepada hukum yang melibatkan orang Islam, pakar perubatan di Malaysia telah meminta supaya perkara ini dibincangkan oleh pihak alim ulama agar ianya tidak bercanggah dengan hukum dan profesyen kedoktoran serta mengelakkkan kekeliruan masyarakat negara ini.

c) *Tindakan-tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil supaya tidak ada pembunuhan manusia dan perdagangan anggotanya.*

d) *Kebenaran hendaklah diperolehi daripada penderma-penderma sebelum pemindahan sebarang anggota di dalam kematian biasa atau dari kaum keluarga atau keluarganya didalam kematian akibat kemalangan.*

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Pertama bersidang pada 1 – 2 Oktober 1970 dan pada 23-24 Jun 1970 manakala muzakarah kali Ke 6 bersidang pada 22 Februari 1973

## **DERMA DARAH DAN PENGGUNAAN DARAH ORANG ISLAM KEPADA ORANG BUKAN ISLAM DAN SEBALIKNYA**

### **PENDAHULUAN**

Menderma sesuatu benda kepada orang lain termasuk menderma darah dengan tujuan memberi pertolongan adalah antara nilai-nilai murni yang digalakkan dalam Islam. Darah adalah cecair yang berwarna hitam kemerahan yang mengalir didalam saluran nadi dan pembuloh. Ianya hampir-hampir berminyak mempunyai tindakan alkali dan mempunyai rasa garam. Ianya mempunyai tugas-tugas penting dalam tubuh manusia.

### **LATARBELAKANG DAN ISU**

Keperluan derma darah di rumah sakit adalah untuk rawatan pesakit-pesakit seperti kemalangan jalanraya, kehilangan darah yang berlebihan semasa melahirkan anak, pembedahan dan sebagainya yang secara langsung memerlukan tambahan darah kepada pesakit berkenaan bagi menyelamatkan nyawanya yang mana sekiranya tidak diberi penambahan darah tersebut besar kemungkinan akan membahayakan nyawanya atau akan menghadapi kesulitan yang berterusan.

Menurut perakuan daripada beberapa orang pakar perubatan yang bertenggungjawab di rumah sakit terkenal di negara ini bahawa keperluan kepada penambahan darah bagi pesakit-pesakit tertentu adalah menjadi perkara utama di dalam bidang perubatan. Oleh yang demikian tabung darah perlu di wujudkan di setiap rumah sakit besar yang terdapat di negara ini untuk memenuhi keperluan tersebut.

## HUJJAH DAN DALIL

Sumber yang menjadi asas pertimbangan ialah:

Firman Allah :

٨٥ "يريد الله بكم اليسر ولا يريد بكم العسر"  
البقرة :

Maksudnya :

"Allah berkehendakkan kemudahan untuk kamu dan tidak berkehendakkan kepayahan"

Sabda Rasulullah s.a.w:

رواه ابن ماجه "لا ضرر ولا ضرار"

Maksudnya :

"Tidak boleh memudharatkan diri sendiri dan tidak boleh memudharatkan orang lain".

dan kaedah fiqh:

"ارتكاب أخف الضررين واجب على الاتفاق"

Maksudnya :

"Kemudaranan yang lebih kecil diantara dua kemudharatan adalah wajib hukumnya".

## KEPUTUSAN

Pemindahan mata dan jantung orang mati kepada orang yang hidup adalah dibenarkan (harus) dalam Islam, dan di atas kebenarannya pertimbangan-pertimbangan berikut hendaklah diambil kira:

- a) Di dalam keadaan mendesak dan mustahak, bahawa nyawa penerimanya bergantung kepada pemindahan anggota itu dan pemindahannya adalah difikirkan berjaya.
- b) Di dalam keadaan pemindahan jantung, kematian penderma telah dipastikan sebelum dipindahkan jantungnya.

vaksin pelali rubela yang di import dari Itali yang tidak mengandungi sebarang tisu binatang. Sebaliknya vaksin tersebut dibuat daripada tisu janin wanita yang gugur. Vaksin itu dihasilkan selepas menjalani beberapa proses termasuklah mencerakinkan virus daripada tisu janin itu. Ini berdasarkan keterangan yang diberikan oleh Doktor Raj Karim dari Kementerian Kesihatan Malaysia bahawa virus yang terhasil sebagai vaksin bukan merupakan virus yang asal (diperolehi dari janin manusia) tetapi yang dibiakkan hasil dari beberapa proses di dalam makmal.

## KEPUTUSAN

*Vaksin Rubela yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada masa ini tidak najis dan hukumnya harus digunakan untuk suntikan dalam badan bagi mencegah penyakit rubela.*

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa kali ke-21 telah bersidang pada 12 September 1988

## IMUNISASI HEPATITIS B

### PENDAHULUAN

Hepatitis B ialah sejenis penyakit berjangkit yang disebabkan oleh sejenis virus yang dinamakan Virus Hepatitis B (HVB). Virus ini boleh menyerang segenap lapisan umur dan berpunca dari seorang pesakit atau seorang pembawa penyakit.

Virus HVB boleh terdapat dalam cecair badan seseorang pesakit seperti dalam darah, air liur, air mani, dan mana-mana bendalir. Penyakit ini merebak apabila cecair ini masuk ke dalam tubuh orang lain melalui luka, persetubuhan, semasa proses kelahiran bayi dan berkongsi menggunakan jarum suntikan yang tercemar.

### LATARBELAKANG DAN ISU

Malaysia adalah termasuk di dalam zon penyakit Hepatitis B yang mana kategorinya adalah sederhana hingga tinggi. Oleh itu kerajaan telah melancarkan program Imunisasi Hepatitis B pada bulan November 1988 sebagai usaha untuk mengawal penyakit yang berpunca daripada virus ini.

Sebanyak 3 golongan telah dikenalpasti sebagai sasaran utama program ini iaitu:

- i. Bayi baru lahir.
- ii. Pekerja-pekerja perubatan dan kesihatan
- iii. Penagih dadah yang menggunakan suntikan yang berada di Pusat Pemulihan.

Terdapat dua jenis vaksin bagi kegunaan imunisasi ini iaitu vaksin yang diterbitkan daripada plasma darah dan vaksin yang dihasilkan daripada ragi. Kementerian Kesihatan telah memilih vaksin yang diterbitkan daripada ragi untuk kegunaan program imunisasi ini.

## HUJJAH DAN DALIL

Menurut satu kajian, apabila seseorang dijangkiti virus HVB dia boleh menjadi seorang pesakit yang menunjukkan tanda atau gejala penyakit, atau menjadi pembawa yang tidak ada tanda atau gejala penyakit, atau ia boleh sembuh dan seterusnya mempunyai daya tahan untuk melawan serangan penyakit ini di masa hadapan. Dari segi kepentingan kesihatan masyarakat pesakit dan pembawa adalah merbahaya kepada orang ramai kerana mereka menjadi punca merebak. Penyakit Hepatitis B ini tidak boleh dirawat, begitu juga komplikasi jangka panjangnya. Walau bagaimanapun penyakit ini boleh dicegah melalui ubat atau vaksin pencegahan.

Oleh itu program Imunisasi Hepatitis B untuk mencegah jangkitan virus sesuai dengan kaedah fiqh yang mementingkan kemaslahatan ramai daripada kemaslahatan individu.

تَنْدِيمُ الْمُصْلَحَةِ الْعَامَّةِ عَلَى الْمُصْلَحَةِ الْخَاصَّةِ

Maksudnya :

"Hendaklah mengutamakan maslahat umum daripada maslahat khusus".

## KEPUTUSAN

*Vaksin untuk Imunisasi Hepatitis B yang dihasilkan daripada ragi adalah tidak najis dan harus digunakan untuk tujuan tersebut kerana ragi adalah suatu bahan yang suci.*

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa kali ke -22 telah bersidang pada 24 November 1988.

## LAMPIRAN F: TERNAKAN HAIWAN DUA ALAM

3. Siput-siput babi akan ditin dan dieksport ke luar negara yang digunakan sebagai makanan manusia.
4. Amalan pembiakan dan pengeksportan siput babi oleh pengusaha umat Islam menimbulkan kekeliruan dari segi hukum syarak kerana masyarakat Islam di Malaysia tidak memakan siput tersebut.

### HUJAH DAN DALIL

Muzakarah Fatwa merujuk kepada nas seperti berikut::

1. Menurut Mazhab Maliki haram memakan binatang yang memudharatkan dan binatang melata yang kotor dan keji. Tetapi bagi orang yang kebiasaananya memakan binatang melata dan tidak mendatang mudharat kepadanya pendapat yang masyhur mengatakan tidak haram.
2. Menurut Mazhab Maliki siput babi boleh dimakan walaupun dipercayai ada racun kerana racun tersebut boleh dibuang.
3. Menurut Mazhab Shafie pula siput babi adalah haram dimakan kerana 'kotor' (الخبيثة) dan dipercayai mengandungi racun. Oleh itu ia juga haram dijual.

### KEPUTUSAN

*Perusahaan menternak siput babi untuk eksport ke luar negara sebagai bahan makanan adalah harus.*

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Ke – 20 bersidang pada 2 April 1988.

### MENTERNAK BINATANG DUALAM

### PENDAHULUAN

Mengikut istilah sains haiwan dualam ialah terdiri dari 2 kategori iaitu reptilia dan amfibia yang mempunyai sistem pernafasan paru-paru. Edaran hidupnya sebahagian di dalam air dan sebahagian lagi di darat seperti katak, penyu, labababi, buaya dan seumpamanya. Ketam nipah pula bukanlah daripada reptilia dan

amfibia tapi ia adalah dari jenis rustasia iaitu sama golongan dengan udang dan kerang. Keseluruhan edaran hidupnya adalah di dalam air dan mempunyai sistem pernafasan melalui insang dan bukan paru-paru. Ia bernafas menggunakan oksigen dalam air sebagai pelarut. Kehidupan ketam nipah di darat hanya dalam tempoh lebih kurang 2-3 hari sahaja kerana dalam insangnya mempunyai satu ruang pintu yang boleh ditutup dan mengandungi sedikit air. Ia menggunakan air tersebut untuk pernafasan dan sekiranya air itu kering ia akan mati.

## LATAR BELAKANG DAN ISU

1. Memandangkan usaha menternak binatang dua alam seperti yang disebutkan di atas, sebagaimana yang telah dijalankan di negara lain ianya mendatangkan pendapatan lumayan kepada penternak, maka sehubungan itu pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah memohon pandangan berhubung dengan pemeliharaan ketam nipah/nyiur dan katak. Sama ada ia boleh dipelihara oleh penternak-penternak di negara ini yang sebahagian besarnya adalah dari kalangan orang Islam.
2. Terdapat perbezaan antara sepisis ketam nyiur/ketam nipah dan sepisis katak:
  - i. Ketam nipah/nyiur menurut alam haiwan atau zoologi atau dikenali sebagai seyllu – sarrata adalah sejenis ketam yang hidup di air payau dan mencari makan di air hutan bakau. Ia banyak menghabiskan hidupnya di air tetapi boleh hidup di darat dalam tempoh tidak lama.
  - ii. Spesis katak pula boleh hidup di air dan di darat dalam tempoh yang lama.

## HUJAH DAN DALIL

Rasulullah s.a.w. melarang membunuh katak, baginda bersabda:

وَعَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عُثْمَانَ الْقَرْشِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ طَبِيبًا يَسَّالُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الضَّفْدُعِ يَجْعَلُهَا فِي دَوَاءٍ فَنَهَىٰ عَنْ قَتْلِهَا .  
أَخْرَجَهُ احْمَدُ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ وَأَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَاءَيِّ.

Bermaksud:

"Dan daripada Abd. Rahman bin Usman al-Qasyii r.a. bahawa seorang doktor (tabib) bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang

*katak untuk dijadikan ubat, maka Rasulullah s.a.w. menegah membunuh katak"*

*(dikeluarkan oleh Ahmad dan disahihkan oleh Al-Hakim dan dikeluarkan oleh Abu Daud dan al-Nasai)*

## KEPUTUSAN

- i. *Perusahaan menternak ketam nipah untuk tujuan eksport adalah harus kerana ia bukan binatang dualam.*
- ii. *Perusahaan menternak katak untuk tujuan eksport adalah khilaf ulama';*
  - a. *Menurut jumhur ulama', perusahaan menternak katak untuk tujuan eksport adalah haram kerana ia adalah binatang dualam.*
  - b. *Menurut Mazhab Maliki, perusahaan menternak katak untuk tujuan eksport adalah harus*

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Ke 26 bersidang pada 7 - 8 Mac 1990

## HUKUM PENYEMBELIHAN AHLI KITAB (YAHUDI DAN NASRANI)

### PENDAHULUAN

Ahli kitab ialah orang Nasrani atau Yahudi yang diketahui salasilah keturunannya daripada nabi Yaakob a.s.

### LATAR BELAKANG DAN ISU

Pada masa ini ramai penganut-penganut kristian atau yahudi yang dikenali sebagai ahli kitab yang majoritinya menetap di Eropah, Australia, Amerika, New Zealand dan sebagainya. Keseluruhan mereka ini berpegang kepada kitab Injil dan Taurat iaitu dua dari empat kitab yang wajib kita beriman dengannya.

LAMPIRAN G: SOLAT JUMAAT POLIS DAN TENTERA YANG BERTUGAS

IBADAT

SEMBAHYANG JUMAAT POLIS DAN TENTERA YANG BERTUGAS

PENDAHULUAN

Tugas kepolisian di negara kita ini mempunyai setiap waktu dalam satu hari. Ini bererti pihak polis dikehendaki bertugas selama 24 jam dalam satu hari, tidak kira sama ada hari kelepasan am atau hari kelepasan mingguan. Dengan demikian sudah tentulah pihak polis dikehendaki bertugas dalam masa-masa umat Islam diwajibkan sembahyang fardhu.

LATAR BELAKANG DAN ISU

Sembahyang fardhu lima waktu sehari semalam mempunyai masa yang panjang maka ianya tidaklah menimbulkan apa-apa masalah kepada pihak polis untuk melaksanakannya. Walau bagaimanapun sembahyang fardhu Jumaat mempunyai masa yang terhad dan pada hari dan masa yang tertentu sahaja.

Dalam menjalankan tugas-tugas kepolisian, pihak polis selalu menghadapi keadaan-keadaan tertentu yang berlaku selari dalam masa sembahyang Jumaat seperti berikut:

- a. Tugas-tugas mengawal orang tahanan, balai polis dan lain-lain harta benda.
- b. Mengawal dan mengendali alat-alat perhubungan yang tidak kurang mustahaknya dalam tugas kepolisian.
- c. Menjalankan siasatan dan pencegahan apabila sesuatu jenayah berlaku dalam masa yang dipertikaikan.
- d. Mengawal ketenteraman ketika berlakunya rusuhan.
- e. Menjaga keselamatan orang awam dari harta benda ketika sesuatu bencana alam berlaku seperti kabakaran, banjir dan lain-lain.

HUJAH DAN DALIL

Berdasarkan tugas-tugas kepolisian yang dinyatakan maka jelaslah bahawa tugas kepolisian adalah termasuk di dalam istilah uzur syar'ie. Di dalam Islam, uzur syar'ie adalah dierangkan seperti berikut:

- a. Keuzuran yang di luar kuasa seseorang untuk mengatasinya seperti sakit, menghadapi hujan ribut atau taufan.

- b. Keuzuran yang bersabit dengan keluarga atau saudara yang sakit tenat yang mana tiada harapan akan hidup (dalam nazak) yang perlu diziarahi.
- c. Keuzuran berkenaan dengan kemungkinan kerosakan bahan perusahaan yang ditinggalkan semasa menunaikan fardhu Jumaat.

## KEPUTUSAN

*Adalah harus bagi Polis dan Tentera meninggalkan Sembahyang Jumaat kerana menjalankan tugas-tugas keselamatan yang dikira uzur syarie kerana mereka terpaksa bertugas dengan syarat tidak meninggalkan sembahyang Jumaat 3 kali berturut-turut.*

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa kali ke-14 bersidang pada 22-23 Oktober 1985.

## SEMBAHYANG JUMAAT PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI

### PENDAHULUAN

Sembahyang Jumaat seperti yang sedia maklum wajib dilakukan oleh orang lelaki yang sempurna syarat-syaratnya. Adalah menjadi kesalahan sekiranya mereka tidak sembahyang Jumaat tanpa uzur syarie.

### LATAR BELAKANG DAN ISU

Para pelajar Malaysia di luar negeri juga mungkin telah terdedah dengan pengajaran hukum dari berbagai-bagai pihak termasuklah juga dari pendakwah dari negara Indo-Pakistan atau yang bermazhab bukan Syafie, telah terpengaruh dengan pengajaran berkaitan terutama dalam mazhab Hanafi.

- i. Di akhir-akhir ini segolongan pelajar Malaysia di luar negeri seperti di New Zealand dan Australia telah menimbulkan masalah sembahyang Jumaat oleh mereka sendiri, adakah boleh atau sah sekiranya mereka mendirikan sembahyang Jumaat di kawasan-kawasan atau tempat ibadat yang mana bilangannya tidak mencukupi 40 orang.
- ii. Didapati masjid yang didirikan sembahyang Jumaat adalah sangat jauh sedangkan masa untuk ke tempat berkenaan memerlukan masa yang panjang atau masa yang ada tidak mencukupi kerana mereka dalam masa berkuliah.

- i. Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak boleh (haram) memberi pinjaman wang dengan mengambil faedah di atas pinjaman itu tetapi boleh menyimpan wangnya dalam bank dengan tidak menerima faedah.
- ii. Lembaga Urusan dan Tabung Haji boleh (harus) melaburkan wangnya dengan membeli saham kepunyaan syarikat yang usahanya tidak bertentangan dengan hukum syarak.
- iii. Lembaga Urusan dan Tabung Haji boleh (harus) menggunakan wangnya sebagai modal untuk menjalankan perusahaan atau perniagaan yang halal.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa kali ke-3 bersidang pada 21-22 Januari 1971.

## PERUBATAN

### PENYUNTIKAN HIGHLY PURIFIED INSULIN DARIPADA BABI

#### PENDAHULUAN

Dalam zaman sains dan teknologi yang serba maju ini, berbagai jenis ubat telah dicipta bagi mengatasi pelbagai jenis penyakit termasuklah kencing manis.

#### LATARBELAKANG DAN ISU

Kementerian Kesihatan yang dipertanggungjawabkan dalam usaha pencegahan dan pengawalan penyakit kepada rakyat di negara ini tidak berhenti-henti menjalankan kajian-kajian mengenai berbagai jenis penyakit dan kaedah rawatannya. Penyakit kencing manis merupakan salah satu penyakit yang semakin meningkat di kalangan masyarakat. Berdasarkan kajian, kaedah mengawal jangkitan yang berlaku kepada pesakit-pesakit kencing manis ialah melalui penggunaan insulin. Oleh kerana kandungan sesetengah insulin diperolehi daripada unsur binatang dan manusia maka pihak Kementerian Kesihatan telah memanjangkan perkara ini kepada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa bagi memastikan penggunaan insulin berkenaan kepada pesakit dan juga kepada pegawai perubatan yang terlibat. Lapuran mengenai insulin kepada pesakit-peşakit kencing manis telah dibentangkan oleh Dr.Mustafa bin Sabang, Pakar Penyakit Kencing Manis Hospital Besar Kuala Lumpur.

## HUJJAH DAN DALIL

Muzakarah telah mengambil ingatan di atas penjelasan yang diberikan oleh Dr. Mustafa bin Sabang, pakar kencing manis dari Hospital Besar Kuala Lumpur mengenai penggunaan insulin dalam rawatan pesakit-pesakit kencing manis. Perkara-perkara penting yang dijelaskan ialah :

Mengikut pakar perubatan penyakit ini, cara perubatan yang dilakukan kepada pesakit kencing manis ialah dengan memberikan suntikan sejenis ubat yang dinamakan insulin khusus " Highly Purified Insulin".

Insulin yang biasa digunakan ialah daripada tiga jenis iaitu insulin yang diperolehi daripada lembu, insulin yang diperolehi daripada manusia dan insulin yang diperolehi daripada babi.

Di antara ketiga-tiga jenis ini, insulin daripada babi sahaja yang didapati lebih sesuai dan mujarab bagi mengubati pesakit kencing manis dan jenis inilah yang diperakukan dan paling utama dikeluarkan untuk pasaran.

Muzakarah seterusnya berbincang dan berhujah berdasarkan kepada kaedah fiqhiyyah bahawa berubat dengan benda-benda yang asalnya najis tidak harus kecuali di dalam keadaan darurat dan hajat.

## KEPUTUSAN

*Hukum menyuntikkan Insulin daripada najis mughalazah (babi) bagi tujuan perubatan pesakit kencing manis adalah harus kerana darurat. Begitu juga hukuman bagi mereka yang menjalankan penyuntikannya.*

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa kali ke -6 bersidang pada 10 Oktober 1983.

## PENGGUNAAN ALAT DIRECT CURRENT SHOCK

## PENDAHULUAN

Dunia perubatan moden masa kini telah mereka cipta berbagai alat perubatan lagi mengatasi dan memudahkan pesakit yang menghadapi sesuatu penyakit seperti alat direct current shock bagi membantu menyelamatkan manusia.

## LAMPIRAN I : PERANCANGAN KELUARGA

Disamping peruntukan peraturan dan undang-undang tertentu Allah s.w.t memperuntukkan dalam al Quran :

...يَئِنَّ الْإِسْمَ الْفَسُوقَ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَنْ لَمْ يَتَبَّعْ  
الْحَجَرَاتِ : ١١

Maksudnya :

...*amatlah buruk sebutan nama fasik (kepada seseorang) sesudah ia beriman , dan (ingatlah) sesiapa yang tidak bertauhat (daripada perbuatan fasiknya) ...*

### KEPUTUSAN

*Bagi Saudara Baru (muallaf) nama mereka hendaklah nama Islam mendahului nama asalnya, misalnya Ahmad Chong Ah Kaw.*

Persidangan kali pertama bersidang pada 28 – 29 Januari 1981.

### RANCANGAN KELUARGA

#### PENDAHULUAN

Perkahwinan adalah suatu ikatan kekeluargaan yang disyariatkan oleh agama Islam untuk menjamin perkembangan zuriat manusia secara halal, bersistematik dan penuh tanggungjawab. Melahirkan zuriat adalah salah satu daripada tujuan sesuatu perkahwinan. Zuriat yang ada itulah akan menyambung usaha, kerja dan perjuangan yang telah diamalkan oleh seseorang. Anak-anak yang soleh merupakan asset besar yang dihasilkan melalui ikatan perkahwinan yang sempurna.

#### LATARBELAKANG DAN ISU

Rancangan keluarga adalah suatu dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi membangun kesejahteraan sesebuah keluarga dalam masyarakat.

Merancang keluarga mengandungi 3 bahagian

1. Menyusun keluarga
2. Menentukan bilangan anak
3. Memandulkan lelaki atau perempuan

Masalah rancangan keluarga dari segi hukum Islam telah timbul dalam beberapa persidangan alim ulama pada tahun 1968 dan 1969. Rumusannya telah ditimbang oleh Majlis Raja-raja dalam mesyuaratnya yang ke 85 pada 22 April 1970 dan Majlis Raja-raja telah memutuskan hal ini oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

## HUJAH DAN DALIL

Firman Allah S.W.T antara lain dalam ayat-ayat berikut;

الاسراء : ٣١  
وَلَا تَقْتُلُوا أُولَادَكُمْ خَشْيَةً أَمْ لَّا

Maksudnya :

*Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takutkan kepapian.*

Dan Firman-Nya lagi:

قَدْ خَرَ الذِّينَ قَتَلُوا أُولَادَهُمْ سَفَهًا بَغْيَرِ عِلْمٍ وَجَدَّمُوا مَا رَزَقَهُمُ اللَّهُ افْتَرَاءً عَلَى اللَّهِ قَدْ ضَلَّوْا وَمَا  
الأنعام : ١٤٠  
كَانُوا هَنَدِينَ

Maksudnya :

*Sesungguhnya rugilah orang-orang yang membunuh anak-anak mereka kerani kebodohan lagi tidak berpengetahuan (sedang Allah yang memberi rezek kepada sekelian makhluknya) dan juga (rugilah orang-orang yang) mengharamkan apa yang telah dikumiakan oleh Allah kepada mereka dengan berdusta terhadap Allah. Sesungguhnya sesatlah mereka dan tiadalah mereka mendapat petunjuk.*

Dan Firman-Nya lagi:

وَإِذَا الْمُؤْمِنَةُ سُئِلَتْ بِأَيِّ ذَنْبٍ قُتِّلَتْ

التوكير ٨-٩

Maksudnya :

*Dan apabila anak perempuan yang ditanam hidup-hidup ditanya , dengan dosa apakah ia dibunuh?.*

### Pendapat Ulamak

Kongres al-Buhuth al-Islamiah ke-2 yang bersidang di Kahirah pada 14 hingga 22 Mei 1965 telah memutuskan bahawa menentukan bilangan anak (*tahdid an-nasal*) dengan usaha perubatan adalah diharamkan.

### Fatwa Dalam Negeri

1. Majlis Agama Islam negeri Perak telah mengeluarkan fatwa bahawa merancang keluarga dengan menentukan bilangan anak atau memandulkan suami isteri atau kedua-duanya adalah haram.
2. Fatwa Mufti kerajaan negeri Terengganu adalah mengharamkan rancangan keluarga.

### Dari Segi Siasah Syariah

Islam menghendaki umatnya membiak luas dan ramai kerana dengan bilangan yang ramai memperkuatkan kedudukan umat Islam samada segi sosial, ekonomi lebih-lebih lagi ketika berlakunya malapetaka peperangan yang memerlukan bilangan yang ramai.

Malaysia ialah sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi. Suara seseorang rakyat adalah sangat dihargai bagi menentukan kemenangan satu-satu parti untuk menerajui satu-satu pemerintahan negara.

Pengharaman ini adalah kerana demi kepentingan dan nasib umat Islam masa hadapan. Di Malaysia kini belum sampai masanya lagi, bilangan orang Islam hanya 50% daripada jumlah penduduk. Mengikut Lembaga Perancangan Keluarga Mesir bahagian *Haqaiq Baina Yaday al Qari halaman 2* bilangan 6,7 dan 8 yang bermaksud; "Rancangan Keluarga bukanlah hanya satu jalan bagi menyelesaikan masaalah pertambahan penduduk tetapi ada jalan lain seperti menambah hasil pengeluaran, mencari lebih banyak hasil bumi dan mengubah cara-cara pertanian dan perindustrian. Rancangan keluarga tidaklah penting dijalankan melainkan ada sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan dan rancangan keluarga bagi sesuatu bangsa itu tertakluk kepada keadaan surufnya".

## KEPUTUSAN

*Menggalakkan amalan rancangan keluarga kepada umum adalah haram, tetapi bagi orang perseorangan atas sebab-sebab yang tertentu adalah diharuskan.*

Persidangan Ulama Malaysia kali ke-8, pada 22 November, 1973.

Manakala dalam Persidangan kali ke-12 mengambil keputusan;

*Rancangan Keluarga mengandungi tiga bahagian, iaitu:*

- a. *Memandulkan lelaki atau perempuan hukumnya adalah haram.*
- b. *Mencegahkan beranak atau menghadkan bilangan anak hukumnya adalah haram melainkan dengan sebab-sebab yang ditaruskan oleh syarak bagi orang-orang perseorangan.*
- c. *Menyusun keluarga dari segi kesihatan, pelajaran dan kebaagiaan keluarga dengan cara yang lain daripada (a) dan (b) di atas adalah harus.*

Persidangan kali ke-12 bersidang pada 20 Februari 1977.

## SUAMI ISTERI BUKAN BERUGAMA ISLAM KEMUDIAN SALAH SEORANG DARIPADANYA MEMELUK UGAMA ISLAM

### PENDAHULUAN

Di akhir-akhir ini telah ramai orang bukan Islam terutama sekali daripada golongan Cina telah memeluk agama Islam. Ini adalah hasil dari usaha Badan-badan seperti PERKIM dan Badan-badan Dakwah Islam yang lain. Proses pengislaman tersebut pada peringkat awal sahaja dan perlu berusaha memperdalam pemahaman Islam mereka dengan cara yang lebih menyeluruh lagi.

### LATAR BELAKANG DAN ISU

Apabila salah seorang daripada suami isteri memeluk agama Islam timbul masalah pemisahan suami isteri (الذرة). Soal jangkamasa untuk menentukan pemisahan harus ditentukan seperti tiga bulan atau enam bulan. Keadaan yang berlaku sekarang ini saudara baru tersebut dibiarkan tanpa ketentuan masa yang ditetapkan.

## **LAMPIRAN J: PAMERAN KHAZANAH DARI KUBUR**

### **PAMERAN KHAZANAH DARI KUBUR**

#### **PENDAHULUAN**

Pada penghujung tahun 1989 Jabatan Muzium bercadang untuk mengadakan pameran antarabangsa yang bertajuk *Khazanah Dari Kubur* dan rancangan ini telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri.

#### **LATAR BELAKANG DAN ISU**

Tujuan pameran ini diadakan adalah pertamanya, untuk mempamirkan kepada rakyat Malaysia tentang kekayaan tamadun silam dan bagaimana segolongan masyarakat purba menganggap kematian sebagai satu proses transisi menuju ke alam lain. Keduanya, mengembang dan menyuburkan ilmu pengetahuan rakyat Malaysia khususnya golongan pelajar-pelajar tentang aspek sejarah dan perkembangan tamadun manusia yang pernah mendiami muka bumi ini seperti yang dipelajari di dalam buku-buku teks sekolah. Ketiganya, memberi peluang kepada rakyat Malaysia yang tidak berpeluang keluar negeri untuk melihat dan mengetahui dengan sendiri tamadun dan kebudayaan silam seperti yang dipamirkan di Muzium-muzium di luar negeri.

Bahan yang akan dipamirkan terdiri dari berbagai bahan seperti mayat keluarga firaun dalam bentuk mumia, alat-alat perhiasan, patung-patung yang diperbuat dari tanah dan lain-lain.

#### **BUJAH DAN DALIL**

Mayat manusia hendaklah dihormati sama ada ianya Islam atau bukan Islam. Ia adalah berdasarkan kepada Firman Allah yang bermaksud "Dan kami mulaiakan keturunan Adam" Oleh itu ianya tidak wajar dijadikan bahan pameran.

Sekiranya pameran "Muzium firaun" bertujuan untuk membenarkan kenyataan yang terdapat dalam al-Quran dan menjadi l'tibar kepada orang ramai, maka penjelasan yang lengkap hendaklah diberikan supaya pengunjung-pengunjung pameran itu dapat memahaminya dengan jelas.

## KEPUTUSAN

- i. "Pameran Khazanah Dari Kubur" oleh Muzium Negara yang melibatkan pameran barang-barang purba yang dijumpai di dalam kubur dan juga keranda mumia (bukan mayat mumia) boleh diteruskan;
- ii. Mayat mumia tidak harus dipamerkan sama ada ianya Islam atau bukan Islam.
- iii. Pameran barang-barang purba penemuan daripada kubur adalah harus, asalkan ia tidak bercanggah dengan syariat Islam.
- iv. Pameran patung-patung adalah ditegah oleh Islam.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-23 bersidang pada 20 Februari 1989.

## GARIS PANDUAN ISTIADAT PENGKEBUMIAN NEGARA YANG TIDAK BERTENTANGAN DENGAN ISLAM

### PENDAHULUAN

Urusan pengkebumian jenazah orang Islam merupakan satu amalan ibadat fardu kifayah. Islam sendiri telahpun mengariskan cara-cara menguruskan jenazah tanpa mengira pangkat, kedudukan dan cara menguruskannya hendaklah berdasarkan kepada cara-cara yang tidak mengandungi atau bercampur-aduk dengan unsur-unsur agama lain.

### LATAR BELAKANG DAN ISU

Islam menghendaki supaya mayat atau jenazah dihormati dan diuruskan pengkebumiannya dengan seberapa segera kecuali di atas sebab-sebab yang dibenarkan oleh Syarak.

### HUJAH DAN DALIL

Islam melarang beberapa perkara dari diperlakukan dalam hal pengurusan jenazah. Ianya termasuk perlakuan yang dianggap boleh menyeka atau

## ZAKAT

### SISTEM METRIK DALAM URUSAN ZAKAT

#### PENDAHULUAN

Zakat merupakan ibadah yang tersenarai dalam salah satu rukun Islam yang lima. Perlaksanaan pengeluaran zakat di seluruh negara sebelum ini masih dalam bentuk sukan dan timbangan yang lama. Setelah pihak Kerajaan Malaysia mengisyiharkan sistem timbang sukat maka perlaksanaan pengeluaran zakat turut berubah daripada sistem timbang sukat lama kepada sistem metrik.

#### LATAR BELAKANG DAN ISU

Pada tahun 1981, Kerajaan Malaysia telahpun mengisyiharkan melalui media massa dan lain-lain agensi bagi kempen penggunaan sistem unit antarabangsa iaitu sistem metrik. Penggunaan sistem ini dapat dilihat di dalam akta 71 undang-undang Malaysia iaitu timbangan dan sukan, 1972 seksyen (1) (2) (1) 3 berbunyi: "Hanya unit sukan bernama sistem antarabangsa sahaja yang boleh digunakan di seluruh Malaysia".

Sistem Metrik ini akan dikuatkuasakan pada bulan Julai di bawah akta 71 Akta Timbang Dan Sukat, 1972. Penggunaan sistem ini secara meluas dalam dunia perniagaan dan sebagainya tidak dapat tidak melibatkan penggunaannya dalam amalan pemakaian zakat oleh umat Islam.

Penggunaan sistem metrik ini dalam amalan mengeluarkan berbagai-bagai jenis zakat amatlah perlu kerana melihat kepada kerumitan-kerumitan dan masalah yang akan timbul akibat daripada menolak atau tidak faham dengan sistem ini.

#### HUJAH DAN DALIL

- I. Pertukaran nisab jenis-jenis zakat pada sistem matrik adalah berdasarkan sistem unit antarabangsa. Sistem ini telah diterimapakai oleh seluruh dunia. Oleh itu pertukaran sistem lama kepada unit antarabangsa iaitu sistem metrik adalah dibenarkan selagi ia tidak mengurangi sukan atau kadarnya yang telah ditetapkan oleh syarak dan tidak menjelas amalan penuaan zakat oleh umat Islam demi menjamin penyeragaman perlaksanaannya di seleuruh negara.

2. Jenis-jenis yang terlibat dengan penukarannya ini ialah:

- Zakat fitrah bagi mereka yang hendak mengeluarkan zakat dengan beras iaitu 3 kati 12 tahil atau  $2\frac{1}{2}$  cupak.
- Sukatan nisab emas iaitu 25 mayam 2.7108 saga. Nisab zakat wang peniagaan sebahagiannya adalah juga bersandarkan kepada nilai nisab emas ini.
- Zakat perak 176 mayam 7 saga.
- Zakat padi ialah 365 segantang, bagi Negeri Terengganu dan Kelantan ialah 375 gantang dan bagi negeri Melaka dan Perak ialah 363 gantang.

3. Cara pengiraan kepada sistem metrik adalah seperti berikut:

i. Zakat Fitrah

$$\begin{array}{lcl} \text{Kadar zakat fitrah} & = & 3 \text{ kati } 12 \text{ tahil} \\ & = & 3.75 \text{ kati} \end{array}$$

$$\begin{array}{lcl} 1 \text{ kati} & = & 0.604790 \text{ kg} \\ 3.75 \text{ kati} & = & 3.75 \times 0.604790 \text{ kg} \\ & = & 2.267965 \text{ kg} \\ & \approx & \underline{\underline{2.27 \text{ kg}}} \end{array}$$

ii. Zakat Emas

$$\begin{array}{lcl} \text{Kadar zakat emas} & = & 25 \text{ mayam } 2.7108 \text{ saga} \\ 1 \text{ mayam} & = & 3.37 \text{ g} \\ 1 \text{ saga} & = & 0.28 \text{ g} \\ 25 \text{ saga} & = & 25 \times 3.37 \text{ g} \\ 2.7108 \text{ saga} & = & 2.7108 \times 0.28 \text{ g} \\ & \approx & 85 \text{ g} \\ & & \hline & & 85.009024 \text{ g} \\ & & \hline & & \hline \end{array}$$

=====

### iii. Zakat Perak (1)

Nisab Perak	=	176 mayam 7 saga
1 mayam	=	3.37 g
1 saga	=	0.28 g
176 mayam 7 saga	=	593.12 g
176 m x 3.37 g.	=	1.96
7 saga x 0.28 g	=	
	=====	
	595.8 g	
	=====	
	≈	595 g

### iv. Zakat Padi

a) Bagi nisab negeri	=	363 gantang
1 gantang	=	6 kati
1 kati	=	0.604790 kg
363 gantang	=	363 x 6 x 0.604790 kg
	≡	1317 kg
b) Nisab negeri-negeri	=	375 gantang
375 gantang	=	375 x 6 x 0.604790 kg
	=	1360.7775 kg
	≈	1361 kg
c) Nisab negeri-negeri	=	400 gantang
400 gantang	=	400 x 6 x 0.604790 kg
	=	1451.496 kg
	≡	1452 kg
d) Bagi Negeri	=	480 gantang
480 gantang	=	480 x 6 x 0.604790 kg
	=	1741.7952
	≡	1742 kg

## KEPUTUSAN

- i. *Ukuran nisab jenis-jenis zakat kepada sistem metrik adalah harus.*
- ii. *Sukatan nisab zakat padi ialah 363 gantang .*

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa kali pertama bersidang pada 28 - 29 Januari 1981.

## PEMBAYARAN ZAKAT OLEH TABUNG HAJI

### PENDAHULUAN

Tabung Haji telah ditubuhkan pada tahun 1963 di bawah akta perbadanan wang simpanan orang-orang Islam Tanah Melayu 1962. Dalam tahun 1969 Tabung Haji dan Pejabat Kawalan Haji dicantumkan dengan wujudnya Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969 yang berkuatkuasa hingga sekarang dengan tujuan:

- a. Membolehkan orang-orang Islam menyimpan wang secara beransur-ansur bagi memenuhi perbelanjaan menunaikan fardu haji atau lain-lain perbelanjaan yang berfaedah.
- b. Membolehkan orang-orang Islam melalui wang simpanan mereka mengambil bahagian dengan lebih berkesan dibidang penanaman modal dalam perusahaan, perdagangan, perlادangan serta tanah dan bangunan melalui cara yang halal.
- c. Menjamin perlindungan, pengawalan dan kebajikan orang-orang Islam menunaikan fardu haji dengan mengadakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan.

### LATARBELAKANG DAN ISU

Isu ini timbul setelah wujud pertelingkahan tentang adakah Tabung Haji dikenakan zakat dalam urusan pelaburan, perniagaan dan simpanannya. Ada pendapat yang mengatakan bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji hendaklah membayar zakat ke atas harta dan keuntungan perniagaan pada tiap-tiap tahun. Manakala pendapat lain pula mengatakan Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak dikenakan zakat kerana Lembaga Urusan dan Tabung Haji itu bukan orang dan wang yang diterimanya itu adalah dibelanjakan untuk kemaslahatan umat Islam keseluruhannya. Persoalan juga timbul tentang kepada siapakah zakat itu harus dikeluarkan sekiranya Lembaga Urusan dan

## EKONOMI /KEWANGAN

### WANG FAEDAH

#### PENDAHULUAN

Dalam Islam ekonomi merupakan salah satu sumber kehidupan manusia, melalui sumber ekonomi ini manusia dapat menjalankan urusan perniagaan, perdagangan dalam dan luar negeri. Segala hasil yang di dapati daripada perniagaan seperti wang akan disimpan atau di labur dalam institusi-institusi kewangan. Dalam sistem yang ada umat Islam terpaksa menerima pakai polisi riba.

#### LATARBELAKANG DAN ISU

Negara Islam yang baru merdeka perlu membangunkan kekuatan ekonomi rakyat dalam sistem ekonomi lasser-fair atau pun pasaran persaingan sempurna yang dikuasai oleh kapitalis sebagai pemodal amalan mengambil faedah interest adalah amat sukar untuk mengelakkannya. Semua bank-bank perdagangan dan institusi kewangan menjalankan polisi ini.

Kenyataan samada mahu atau tidak, orang Islam mesti terlibat dalam membangunkan ekonomi diri dan negara mereka. Jika tidak orang Islam akan terus tertinggal berbanding dengan bangsa-bangsa lain dalam bidang ekonomi. Kesannya menyebabkan orang Islam lemah dan mudah ditindas. Dalam keadaan tidak ada sistem muamalah Islam sebagai sistem alternatif adakah wajar orang-orang Islam terlibat dengan institusi kewangan yang yang mengamalkan sistem berunsur riba'. Maka kepriuan kepada suatu fatwa dikemukakan sebagai jalan keluar kepada umat Islam

#### HUJAH DAN DALIL

Tidak boleh memudharatkan diri sendiri dan tidak boleh memudharatkan orang lain. Ini berdasarkan hadith yang telah dijadikan kaedah usul fiqh;

لا ضرر ولا ضرار

Keadaan darurat mengharuskan perkara-perkara yang lain. In berdasarkan kaedah fiqhiah.

### المنزوات تبيح المحظورات

Ahli-ahli ekonomi barat juga timur mengatakan faedah itu adalah riba tetapi suasana boleh mengubahkan hukum. Misalnya saidina Umar bin al Khattab pernah mengubah perkara yang berlawanan dengan nas. Kita di Malaysia sekarang adalah dalam suasana darurat bangsa bukan darurat individu. Keadaan sekarang adalah keadaan umum balwa. Orang Islam di Malaysai tidak terlepas daripada Sistem Ekonomi Malaysia yang ada sekarang. Orang Melayu akan hilang hak dan negerinya kerana ekonominya yang lemah. Jika orang Melayu tidak mengambil faedah ini, bank akan memberi faedah itu kepada orang Kristian yang akan menggunakan untuk menentang Islam dan orang Melayu.

## KEPUTUSAN

- i. *Faedah yang diperolehi daripada wang simpanan yang dibuat oleh institusi Islam atau perniagaan atau badan kebajikan yang dianggotai oleh orang-orang Islam dalam mana-mana bank harus diterima oleh badan-badan itu atas alasan kecemasan ekonomi orang-orang Islam pada masa ini.*
- ii. *Faedah yang diperolehi daripada wang simpanan seseorang muslim dalam mana-mana bank harus diterima olehnya atas alasan kerana kecemasan itu juga, tetapi wang faedah itu hendaklah dimasukkan dalam Baitulmal atau untuk kegunaan muslihat umum.*

Muzakarah Jawarankuasa Fatwa kali ke-3 bersidang pada 21-22 Januari 1971.

## INSURANS

## PENDAHULUAN

Sistem ekonomi yang mendominasi kehidupan umat Islam hari ini ialah sistem ekonomi kapitalis warisan penjajah. Oleh yang demikian semangat dan falsafahnya tidak dapat lari daripada acuan asalnya. Sistem insurans misalnya merupakan satu bahagian daripada tatacara muamalah riba yang diujudkan secara tersusun dalam pembangunan ekonomi. Walaupun di segi politik umat Islam sudah merdeka tetapi di segi ekonomi masih lagi lemah.

## LAMPIRAN M: PROJEK BAJU TRADISIONAL PAKAIAN ANAK-ANAK PATUNG PERMAINAN KANAK-KANAK

Karyaneka ialah sebuah projek yang wujudnya hasil daripada majlis penasihat kebangsaan mengenai integrasi wanita dalam pembangunan (NACIWID) kepada bank dunia bagi penubuhan sebuah pusat pemasaran kraftangan wanita. Ia diletakkan di bawah kelolaan bahagian kemajuan masyarakat (KEMAS). Projek ini dirancangkan bagi tujuan mencapai matlamat seperti berikut:

- (i) Memperkenalkan pakaian kebangsaan Malaysia kepada orang-orang luar negeri.
- (ii) Memberi peluang pekerjaan kepada penduduk luar bandar bagi menambah pendapatan keluarga mereka.
- (iii) Penggunaan bahan-bahan terbuang dengan rekacipta terbaru.

### LATAR BELAKANG DAN ISU

1. Sempena hari pelancaran rasmi Karyaneka pada 1 Disember 1981, telah diperkenalkan kepada pelancong-pelancong luar negara patung-patung yang berpakaian tradisional dari negeri-negeri yang terdapat di Malaysia. Pakaian patung kebanyakan dibuat daripada perca-perca kain batik dan songkit.
2. Sambutan orang ramai terutama pelancong luar negara amat menggalakkan. Banyak tempahan dibuat dan projek ini amat menguntungkan.
3. Karyaneka telah berusaha mengadakan latihan bagi mengembangkan projek ini, walau bagaimanapun timbul masalah samada projek ini yang melibatkan penggunaan lembaga patung (plastik) permainan kanak-kanak bertentangan dengan hukum syarak atau sebaliknya.

## KEPUTUSAN

*Pengeluaran pakaian tradisional anak-anak patung permainan kanak-kanak ini patut diteruskan (harus), dengan syarat anak-anak patung itu kecil, tidak termasuk patung-patung yang besar.*

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Ke 4 bersidang pada 13-14 April 1982.

## PAKAIAN CEMARA (WIG)

### PENDAHULUAN

Masyarakat Islam diwajibkan memakai pakaian yang menutup aurat samada lelaki atau perempuan. Pakaian yang dipakai hendaklah menepati kehendak syarak.

### LATAR BELAKANG DAN ISU

- (i) Pakaian cemara dikalangan hakim-hakim sivil telah lama diamalkan dan tidak ada bantahan atau teguran dibuat sehingga timbul kesedaran kepada Dato' Hashim Yeop Sani yang menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Ipoh, telah meninggalkan pemakaian cemara kepada songkok.
- (ii) Tindakan Dato' Hashim telah menimbulkan berbagai reaksi dari berbagai pihak, ada yang menyokong dan ada yang menentang menyebabkan timbul kekeliruan mengenai hukum syarak berhubung dengan pemakaianya.

### HUJAH DAN DALIL

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa bersandar kepada hujah berikut:-

1. Firman Allah:

وَمَا أَنْكِمُ الرَّسُولُ فَخْدُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

الحشر : ٥٩

Yang bermaksud:

*Dan apa-apa yang dibawa kepada kamu oleh Rasulullah, maka hendaklah kamu mengambilnya. Dan apa-apa yang dilarang hendaklah*

## LAMPIRAN N: INSURANS

### INSURANS

tidak mengambil faedah ini, bank akan memberi faedah itu kepada orang Kristian yang akan menggunakan untuk menentang Islam dan orang Melayu.

### KEPUTUSAN

- i. *Faedah yang diperolehi daripada wang simpanan yang dibuat oleh institusi Islam atau perniagaan atau badan kebajikan yang dianggotai oleh orang-orang Islam dalam mana-mana bank harus diterima oleh badan-badan itu atas alasan kecemasan ekonomi orang-orang Islam pada masa ini.*
- ii. *Faedah yang diperolehi daripada wang simpanan seseorang muslim dalam mana-mana bank harus diterima olehnya atas alasan kerana kecemasan itu juga, tetapi wang faedah itu hendaklah dimasukkan dalam Baitulmal atau untuk kegunaan muslihat umum.*

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa kali ke-3 bersidang pada 21- 22 Januari 1971.

### INSURANS

### PENDAHULUAN

Sistem ekonomi yang mendominasi kehidupan umat Islam hari ini ialah sistem ekonomi kapitalis warisan penjajah. Oleh yang demikian semangat dan falsafahnya tidak dapat lari daripada acuan asalnya. Sistem insurans misalnya merupakan satu bahagian daripada tatacara muamalah riba yang diujudkan secara tersusun dalam pembangunan ekonomi. Walaupun di segi politik umat Islam sudah merdeka tetapi di segi ekonomi masih lagi lemah.

### LATARBELAKANG DAN ISU

Insurans ialah perjanjian tanggungan yang dibuat oleh sesebuah syarikat untuk mengganti kerugian yang ditanggung oleh seseorang dengan bayaran premium yang tertentu. Dengan adanya insurans ini maka keselamatan harta benda atau lainnya akan lebih terjamin.

Bank-bank dan institusi kewangan serta syarikat-syarikat insurans yang melaksanakan operasinya berdasarkan riba' terus menguasai suasana dan pasaran ekonomi negara. Kini sudah ada alternatif kepada umat Islam dengan ujudnya Bank Islam dan Sistem Perbankan Tanpa Faedah serta Takaful Islam. Walaupun fungsinya tidak boleh lagi mengambil tempat instisusi bank dan kewangan yang berteraskan riba' secara total tetapi di tahap ini sudah ada jalan keluar bagi umat Islam untuk menghindarkan diri daripada terjerumus dan terus dibelenggu oleh satu sistem muamalah yang bercanggah dengan syariah Islam.

Menurut Ustaz Nik Mohd Mohyiddin Musa, terdapat dua jenis Insurans yang beroperasi sekarang ini, iaitu Insurang Kerjasama dan Insurans nyawa dan harta.

## HUJAH DAN DALIL

Di dalam Muzakarah tersebut berbagai-bagai pandangan telah dikemukakan.

Wakil dari Perak berpendapat bahawa Insurans am iaitu Insurans yang lain daripada Insurans nyawa adalah harus. Insurans nyawa adalah haram kerana ia mengandungi tujuan untuk membiakkan dengan bayaran " Premiumnya "

Menurut Ustaz Nik Mohd Mohyiddin Musa Insurans kerjasama adalah halal kerana Islam menekankan adanya tolong-menolong dan kerjasama antara kaum. Manakala Insurans nyawa adalah haram kerana menurutnya lagi insuran nyawa mengandungi unsur-unsur riba tetapi harus diambil dan digunakan untuk muslihat umum. Beliau menggunakan kaedah usul fiqh

لَا ضرر و لَا ضرار

Wakil dari Johor menekankan insuran adalah haram samasekali samada insurans am atau insurans nyawa kerana kedua-duanya mengandungi riba'.

Wakil daripada Terengganu menyatakan insurans adalah harus dengan syarat wang faedah yang dikembalikan kepada pemegang polisi insurans hendaklah mengikut % keuntungan dan bukannya % wang premium kerana katanya wang faedah yang diberikan di atas % keuntungan adalah sesuai dengan sistem mudharabah.

Wakil dari Selangor berpendapat bahawa insurans yang dibuat dengan sendiri tidak harus kerana riba' tetapi insurans terpaksa yang terkandung dalam kegiatan seseorang seperti menaiki kapal terbang adalah harus kerana "umum balwa ".

## KEPUTUSAN

*Insurans am iaitu lain daripada insurans nyawa adalah harus.*

Persidangan kali ke 2 bersidang pada 1 -2 Oktober 1970.

Manakala Persidangan ke 16 mengambil keputusan seperti berikut;

*Insuran nyawa sebagaimana yang dikendalikan oleh kebanyakan syarikat insuran yang ada pada hari ini adalah haram dan sebagai suatu muamalah yang fasad kerana aqadnya tidak sesuai dengan prinsip-prinsip Islam iaitu;*

- a. *Mengandungi gharar (ketidak-tentuan)*
- b. *Mengandungi unsur judi.*
- c. *Mengandungi muamalah riba.*

Persidangan Ulama Malaysia kali ke 16 bersidang pada 15-16 Februari 1979.

## AKAUN SIMPANAN YANG TIDAK AKTIF DALAM LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI

### PENDAHULUAN

Mengikut perkara 5 peraturan-peraturan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (deposit dan pengeluaran) 1975 menyatakan seseorang pendeposit baru yang mahu menyimpan di Tabung Haji akan membenarkan Tabung Haji menguruskan wang simpanannya dilabur dan diperniagakan mengikut peraturan dan undang-undang Tabung Haji melalui akad persetujuan yang dibuat secara bertulis. Berdasarkan kepada akad izin ini maka Tabung Haji bolehlah melabur dan memperniagakan wang simpanan pendeposit dan keuntungan akan di bayar kepada pendeposit dalam bentuk bonus yang kadarnya ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Tabung Haji tertakluk kepada kelulusan perbendaharaan Malaysia. Walau bagaimanapun terdapat ratusan ribu akaun penyimpan Tabung Haji yang tidak aktif.

Akaun-akaun tersebut adalah terbahagi kepada dua golongan;

1. Pelajar dan kanak-kanak sekolah, kanak-kanak pra sekolah dan bayi baru lahir golongan tersebut kebanyakannya tidak begitu aktif dan ada di antaranya sekadar menyimpan dua ringgit sebagai simpanan permulaan dan tidak

LAMPIRAN O : PENGGUNAAN "ELECTRICAL STUNNING" DALAM PENYEMBELIHAN LEMBU

## KEPUTUSAN

*Penggunaan 'Water Stunner' dalam proses penyembelihan ayam adalah harus.*

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Ke 22 bersidang pada 24 November 1988.

## PENGGUNAAN ELECTRICAL STUNNING DALAM PENYEMBELIHAN LEMBU

### PENDAHULUAN

Penyembelihan lembu dengan menggunakan elektrik telah dilaksanakan dengan meluas di beberapa negara barat. Ini bertujuan memudahkan kerja-kerja penyembelihan untuk tujuan eksport.

### LATAR BELAKANG DAN ISU

- i. Malaysia banyak mengimport daging lembu dari luar negara, termasuk dari Eropah yang kebanyakannya menggunakan elektrik dalam proses penyembelihannya.
- ii. Negara pengeksport daging ke Malaysia seperti Australia dan New Zealand telah meminta kebenaran Kerajaan Malaysia untuk membenarkan penggunaan elektrik dalam penyembelihan lembu.
- iii. "Electrical Stunning" ialah sejenis alat pelalian ke atas binatang seperti lembu dan kambing. Alat ini menggunakan kuasa elektrik untuk memengsankan binatang sebelum disembelih seperti berikut:
  - a. Lembu yang hendak di stunning diiring ke dalam kandang alat electrical stunning semasa di dalam kandang tersebut bahagian

kepala iaitu hidung dan tengoknya ditekan dengan besi alat electrical stunning. Dimasa ini pengawal menekankan butang switch dan serta merta lembu tersebut pengsan.

- b. Jumlah kuasa elektrik ialah 400V bagi lembu dan 150v bagi kambing.
  - c. Setelah lembu tersebut pengsan, lembu ini terus dikeluarkan ke atas roda bergerak dan seterusnya lembu tersebut disembelih.
  - d. Lembu yang dikenakan *electrical stunning* boleh sedar semula setelah 45 saat.
    - i. Lembu di stunning selama 25 saat
    - ii. Lembu mula sedar setelah 45 saat
    - iii. Lembu boleh menggerakan kepala setelah 3 minit
    - iv. Lembu boleh mencuba bangun setelah 4 minit
    - v. Lembu boleh bangun berjalan setelah 6 minit
  - e. Setelah disembelih lembu berkenaan boleh menggerakan kakinya bagi menghentikan kesemua gerak ini ada disediakan alat daripada besi yang mengandungi elektrik. Alat ini ditekankan pada bahagian punggung binatang. Alat ini tidak semestinya digunakan dan boleh tidak digunakan sama sekali.
- iv. Tujuan penggunaan *Electrical Stunning*

Di antara tujuannya adalah seperti berikut:

- a. Bagi mengelakkan binatang yang dipengsankan itu cedera atau mati akibat menggunakan lain-lain jenis alat stunning sebelum disembelih.
- b. Penggunaan alat ini akan mempercepatkan kerja penyembelihan dijalankan. Hal ini akan meningkatkan pengeluaran daging halal untuk pasaran negara Islam.
- c. Bagi mengurangkan kecederaan ke atas mana-mana anggota binatang yang hendak disembelih, hal ini bagi meningkatkan mutu daging yang dipasarkan.

## HUJAH DAN DALIL

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa telah berpegang kepada hujah-hujah seperti berikut:

- a. Di antara tujuan penyembelihan yang dikehendaki oleh Islam ialah untuk mematikan binatang dengan cara yang baik dan memberi rahmat kepada binatang kerana binatang yang disembelih mengikut cara Islam ini akan dapat mati dengan segera, kerana cara penyembelihan sebegini akan dapat mengeluarkan banyak darah. Darah tidak beku di dalam daging dan sistem pemasannya terputus dengan serta merta. Keadaan ini menjadi binatang cepat mati.
- b. Islam amat mengutamakan memberi rahmat kepada makhluk-makhluk lain terutama kepada binatang, cara penyembelihan yang dianjurkan oleh Islam sebenarnya telah menunjukkan kerahmatan atau kebaikan Islam ke atas binatang, Rasulullah s.a.w. sendiri telah menegaskan umatnya agar berlaku baik dan memberi rahmat kepada binatang. Keterangan tersebut dapat diperolehi dari sebuah hadis yang dinuklinkan dari Syadid bin Anas r.a. berkata: bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda, yang bermaksud:

*Bahawasanya Allah memerintahkan berbuat baik atas segala sesuatu jika anda membunuh, bunuhlah dengan baik, jika anda menyembelih, sembelihlah dengan baik, hendaklah ada di antara kamu yang menjamkan pisaunya dan mempercepatkan sembelihan.*

c. Penggunaan electrikal stunning ke atas binatang sebelum sembelihan mengakibatkan seekor binatang itu loli atau pengsan disebabkan terkena kejutan elektrik. Binatang ini akan disembelih semasa ia pengesan dan akan bergerak sehingga mati. Perbuatan sengaja memengsangkan seekor binatang sebelum disembelih ini adalah dikira berkaitrapat dengan perkara yang berhubung dengan konsep:

- i. Ehsan di dalam sembelihan
- ii. Ketentuan hayat mustaqirah di dalam sembelihan.

Masalah konsep ehsan dalam Islam iaitu dengan penggunaan electrical stunning ini apakah boleh dikira suatu tindakan yang sesuai dengan kehendak ehsan atau sebaliknya. Kalau hendak dikatakan ia sebagai sesuatu yang sesuai, maka boleh dikatakan perbuatan memengsangkan binatang ini bertujuan bagi mengurangkan kesakitan binatang semasa sembelihan dan binatang tersebut akan mati pada ketika ia tidak sedar dirinya disembelih dan nyawanya lenyap. Jika diqasaskan keadaan sebaliknya iaitu boleh juga dianggap binatang yang terkena kejutan elektrik ini sudah tercedera sarafnya dan kesakitannya tidak dapat ditunjukkan melalui sebarang pergerakan sekalipun ia sedang disembelih.

Sebagaimana diketahui, perbuatan menyeksa binatang adalah sesuatu yang dilarang di dalam ajaran Islam. Dalam melakukan sembelihan ke atas binatang, Islam telah menyarankan supaya menggunakan alat sembelihan yang tajam dan dibiarkan salah satu kaki binatang berkenaan tidak diikat bagi tujuan tidak terlalu menaham pergerakan binatang yang kena sembelih. Saranan ini dijelaskan melalui penerangan terhadap perkara sunat di dalam melakukan kerja penyembelihan.

## KEPUTUSAN

*Penggunaan Electrical Stunning Dalam Penyembelihan Lembu adalah harus.*

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kali Ke 22 bersidang pada 24 November 1988.

## PENGUNAAN ANJING UNTUK MENGESAN KIRIMAN DADAH MELALUI POS

## PENDAHULUAN

Salah satu strategi yang dilakukan oleh Jabatan Pos bagi mengesan kiriman dadah ialah dengan menggunakan anjing yang terlatih.

## LATAR BELAKANG DAN ISU

- i. Penyeludupan dadah di negara ini dilakukan dengan berbagai cara untuk mengelak daripada dikesan dan ditangkap. Salah satu cara ialah melalui kiriman pos.
- ii. Untuk mengesan sesuatu kiriman mengandungi dadah atau sebaliknya memerlukan kemahiran yang tinggi, kemahiran ini hanya boleh dilakukan melalui penggunaan anjing yang terlatih.
- iii. Penggunaan anjing adalah dilarang dalam Islam sedangkan ianya adalah perlu bagi mengesan dadah, para pekerja di Jabatan Pos ramai terdiri daripada kalangan orang Islam. Keadaan ini telah menimbulkan kegelisahan di kalangan pekerja-pekerja Islam dan orang awam, sama ada pekerja Islam boleh menggunakan anjing dalam tugas mereka atau sebaliknya.